

10/06/1999

PNB alat terpenting DEB: Dr M

Zulkofli Jamaludin; Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Permodalan Nasional Berhad (PNB) menjadi alat terpenting Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilaksanakan kerajaan bagi mewujudkan jaringan keselamatan sosial, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, PNB bukan saja berjaya mengumpul modal lebih RM40 bilion yang sebahagian besarnya daripada Bumiputera, malah modal itu digunakan secara berkesan dalam pasaran saham serta perniagaan.

Menurutnya, pulangan dividen dan bonus yang dikeluarkan PNB juga dinikmati golongan termiskin menerusi Program Pembangunan Rakyat Termiskin Skim Amanah Saham Bumiputera (PPRT-ASB).

Sehingga 30 April lalu, kata Perdana Menteri, 156,397 penduduk termiskin terbabit dalam program PPRT-ASB dengan peruntukan sebanyak RM782 juta.

"PNB adalah ciptaan kita yang unik yang tidak ada di mana-mana negara di dunia. Ia adalah lebih baik daripada pendekatan ideologi biasa untuk membentuk masyarakat adil dan saksama," katanya.

Ketika melancarkan Minggu Pelaburan Bersama PNB di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak percaya dengan jaringan keselamatan sosial ala-Barat yang memberi elaun penganggur.

"Ini kerana jika kerajaan membayarnya, orang tidak mahu bekerja. Bila orang tidak nak bekerja, ekonomi akan terjejas dan ini menyebabkan kita terpaksa membayar lebih elaun," katanya.

Beliau berkata, kerajaan pula terpaksa menaikkan cukai terhadap orang yang sanggup bekerja kerana memerlukan peruntukan banyak untuk membayar elaun penganggur.

"Sudah tentu kos pengeluaran barangan akan naik dan dengan itu sara hidup juga naik," katanya.

Berikutan itu, kata Perdana Menteri, kebanyakan negara termasuk negara sosialis, kini kurang menggunakan pendekatan itu, malah di United Kingdom baru-baru ini, negara itu meminta penganggur membuat sedikit pekerjaan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sebaliknya melaksanakan keadilan sosial dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

"Kita mahu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan kini mempunyai dua juta pekerja asing di negara ini.

"Kita menyediakan semua peluang itu dan jika mereka tidak bekerja, keluarga mereka perlu menyara," katanya sambil menambah rakyat akhirnya bekerja kerana malu.

Perdana Menteri turut mengingatkan rakyat agar tidak mudah dipengaruhi serta dihasut rakyat asing yang iri hati dengan kejayaan negara.

Dr Mahathir menjelaskan rakyat disuruh orang asing dan pengikut mereka supaya membenci kepada Bumiputera yang berjaya melalui DEB dan penswastaan.

Menurutnya, orang asing menggunakan pendekatan itu untuk menggagalkan rancangan kerajaan mengagihkan kekayaan negara secara adil kerana ingin melihat rakyat berbilang kaum bergaduh, bertindak ganas dan merosakkan negara.

"Kita akui bahawa penswastaan menghasilkan beberapa Bumiputera yang kaya. Tetapi institusi yang diswastakan tidak mungkin berjaya jika tidak ada seorang yang bertanggungjawab secara serius kerana kegagalan perniagaan akan membawa kerugian besar kepadanya," kata Dr Mahathir.

(END)

